



# PELAN ANTI RASUAH MAQIS

MAQIS Anti Corruption Plan

2020-2022

*Matlamat utama pelan anti rasuah adalah untuk memastikan pengurusan pentadbiran kerajaan bebas daripada rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan serta mencapai aspirasi nasional kerana integriti dan bukannya rasuah.”*

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad**  
*Perdana Menteri Malaysia*





# KETUA PENGARAH MAQIS



**SAIFUL YAZAN BIN ALWI**  
KETUA PENGARAH KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN



# AMANAT KETUA PENGARAH MAQIS

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) adalah salah sebuah daripada empat (4) buah Jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), dan ditubuhkan secara rasmi sebagai sebuah Jabatan pada 12 Mac 2013 di bawah tumpuk kepimpinan Ketua Pengarah pertama iaitu Tuan Mazlan bin Saadon, Pegawai Pertanian daripada Jabatan Pertanian Malaysia (DOA). Pada tahun 2016, legasi kepimpinan diteruskan oleh Dato' Mokhtaruddin bin Husain yang turut dipinjamkan daripada Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, DOA dan terkini saya telah diamanahkan sebagai Ketua Pengarah MAQIS yang ketiga.

Suka saya menukilkan kata-kata bahawa setiap kepimpinan membawa satu misi yang sama iaitu MAQIS menjadi Jabatan utama bagi kuarantin dan penguatkuasaan serta memastikan mekasnime kawalan keluaran pertanian, makanan yang diimport dan dieksport bebas daripada ancaman perosak, penyakit, serta semestinya halal bagi produk haiwan dan hasilannya serta tidak menjelaskan kesihatan manusia. Namun, MAQIS selaku Jabatan Penguatkuasaan tidak terlepas dari risiko gejala rasuah apabila berdepan pengimport dan pengeksport di pintu masuk apabila menjalankan tugas sebagai penjaga pintu untuk memantau dan menjalankan pemeriksaan semasa aktiviti pengimportan dan pengeksportan.

Pada era globalisasi ini sejajar dengan Pelan Anti-Rasuah National (*National Anti-Corruption Plans-NACP*), yang diperkenalkan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia di mana beliau menekankan bahawa “Malaysia perlu dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah”, Pelan Anti-Rasuah MAQIS (PARM) dilancarkan bagi menangani, mencegah dan membanteras risiko rasuah dalam aktiviti penguatkuasaan di pintu masuk.

Pelan anti rasuah yang julung kali dilancarkan ini adalah selaras dengan Pelan Strategik MAQIS 2020-2022, Langkah Strategik 4 dalam pemantapan integriti warga MAQIS telah menyasarkan penurunan peratus risiko kes integriti sebanyak 20% melalui *MAQIS Integrity Programme (MASEIP)*. Justeru itu, PARM diwujudkan bagi mengurangkan salahlaku integriti dalam kalangan warga MAQIS. Akhir kata ini, menjadi harapan saya agar setiap penguat kuasa melakukan anjakan paradigma bagi mengangkat tinggi nama MAQIS daripada isu integriti dan rasuah serta mengambil serius dalam mewujudkan persekitaran biosekuriti tumbuhan, haiwan dan ikan yang selamat digunakan oleh manusia, dan industri agro makanan negara.



**SAIFUL YAZAN BIN ALWI**

KETUA PENGARAH KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN  
JANUARI 2020

# PERNYATAAN KOMITMEN

Pelan Antirasuah MAQIS (PARM) ataupun *MAQIS Anticorruption Plan* (MACP) 2020-2022 ini merupakan dasar antirasuah yang mencerminkan komitmen tinggi semua pihak untuk membanteras gejala rasuah dalam perkhidmatan MAQIS.

PARM ini dibangunkan adalah selaras dengan insiatif di bawah Strategi 2, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) iaitu memperkuatkukuhkan penyampaian perkhidmatan awam yang menyatakan keperluan pembangunan pelan antirasuah organisasi bagi sektor awam.

Kerangka dasar dan strategi PARM ini terhasil daripada input dan sesi perbincangan yang dijalankan bersama pegawai-pegawai kanan semua bahagian dalam Jabatan termasuk penglibatan Unit Integriti Kementerian dan pihak SPRM yang komited bagi memastikan pembangunan PARM ini dapat direalisasikan.

PARM ini akan meliputi isu-isu dalaman organisasi berkaitan kelemahan integriti, tadbir urus dan anti rasuah yang harus ditangani. Selain NACP yang juga merupakan rujukan utama dalam pembangunan pelan ini, beberapa cadangan daripada inisiatif yang sedia ada telah diperakui keberkesanannya pelaksanaannya turut diambil kira.



Bagi memastikan kejayaan PARM ini, MAQIS selaku salah satu tunjang utama Kementerian komited dan bertekad akan memastikan segala inisiatif yang telah dirancang dapat dilaksanakan bersama-sama pihak berkepentingan dan warga MAQIS dengan telus, penuh bertanggungjawab dan berintegriti. Semoga dengan langkah ini, keyakinan semua pihak akan meningkat terhadap perkhidmatan MAQIS dalam menguatkuaskan undang-undang dan peraturan-peraturan.

Adalah diharapkan supaya PARM ini dapat menjadi panduan bagi semua warga MAQIS khususnya dan sekaligus membantu mencapai visi negara bebas rasuah menjelang 2023.

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah MAQIS (PARM) 2020-2022 ini adalah susulan pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke-7 pada 29 Januari 2019 dan Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 Siri 2, No 1 Tahun 2019 berkaitan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Perlaksanaan Pelan Antirasuah Nasional. Justeru PARM adalah dokumen utama Jabatan yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepada dalam memerangi rasuah dan salah laku integriti.

Visi PARM ini adalah untuk menjadikan MAQIS sebagai sebuah jabatan penguatkuasaan yang bebas rasuah dan berintegriti tinggi melalui penetapan misi memperkuuh integriti penguatkuasaan, mewujudkan perkhidmatan yang bersih (*clean*) dan dipercayai (*trust*) dan meningkat kecekapan dan ketelusuran tadbir urus.

Terdapat enam (6) strategi yang merangkumi 27 inisiatif yang dirangka dalam PARM ini berdasarkan lima (5) bahagian utama dan satu (1) unit dalam MAQIS iaitu Dasar dan Perancangan, Khidmat Pengurusan, Pemeriksaan dan Penguatkuasaan, Kuarantin, Import Eksport dan Data serta Unit Integriti.

Menjurus kepada mekanisme pemantauan dan penilaian pelaksanaan PARM, pelaksanaan inisiatif ini akan melibatkan semua bahagian serta peringkat peneraju dalam MAQIS agar selari dengan kerangka pelaksanaan PARM. Selain itu mekanisme ini berupaya mengenalpasti risiko dan jurang dalam pelaksanaan inisiatif PARM agar setiap perancangan yang dibuat dapat diselaraskan dengan sewajarnya bagi mencapai hasil yang diharapkan.

Komitmen dan kerjasama yang jitu dari semua pihak yang terlibat adalah penting bagi menjayakan visi dan misi PARM.



# SENARAI SINGKATAN

PARM	-	Pelan Anti Rasuah MAQIS
MACP	-	MAQIS <i>Anticorruption Plan</i>
MAQIS	-	Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia
MOA	-	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
DOA	-	Jabatan Pertanian Malaysia
NACP	-	Pelan Anti-Rasuah National - <i>National Anti-Corruption Plan</i>
MASEIP	-	MAQIS <i>Integrity Programme</i>
SPRM	-	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
JKKMAR	-	Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah
PIN	-	Pelan Integriti Nasional
GTP	-	Pelan Tranformasi Kerajaan
GTP 2.0	-	Pelan Transformasi Kerajaan 2.0
PIO	-	Pelan Integriti Organisasi
SOP	-	Standard Operation Procedure
BQ	-	Bahagian Kuarantin
BPP	-	Bahagian Pemeriksaan dan Penguatkuasaan
BIED	-	Bahagian Import/ Eksport dan Data
BKP	-	Bahagian Khidmat Pengurusan
UI	-	Unit Integriti
BDP	-	Bahagian Dasar dan Perancangan
A.I Permit	-	<i>Artificial Intelligent Permit</i>
SPEED	-	Sistem Profiling Pendaftaran Pengimport, Pengeksport dan Ejen
JAR	-	Jawatankuasa Anti Rasuah
JPPARM	-	Jawatankuasa Penilaian Pelan Anti Rasuah MAQIS
SMK	-	Sistem Maklumat Kastam
PMN	-	Pengarah MAQIS Negeri
PPU	-	Pejabat Penasihat Undang-Undang

# ISI KANDUNGAN

## BAB 1

### PENGENALAN

Dasar Integriti Dan Tadbir Urus	10
Fungsi Dan Peranan MAQIS	11
Keramat MAQIS	14
Pesona MAQIS	15
Hebahana Integriti MAQIS	16
Visi, Misi, Dan Matlamat PARM	17

## BAB 2

### ISU DAN CABARAN

Analisa Data	19
Isu Utama Yang Dihadapi	20
Bahagian-bahagian Keutamaan	22

## BAB 3

### PENGUKUHAN INTEGRITI MAQIS

Strategi PARM	23
Kerangka PARM	24
Strategi Dan Inisiatif	25

## BAB 4

### TADBIR URUS PARM

Mekanisme Pemantauan Dan Penilaian PARM	29
Kaedah Pelaporan PARM	30

## BAB 5

Kesimpulan	30
Penghargaan	31

# BAB 1 : PENGENALAN

## DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) yang pertama telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Jun 2018 telah membuat keputusan untuk merangka dan membangunkan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) bagi menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN).

Pelan ini bertujuan untuk menetapkan sasaran yang praktikal berdasarkan inisiatif yang akan diambil dalam menangani rasuah, integriti dan tadbir urus dalam MAQIS bagi tempoh 3 tahun akan datang.

Bagi mencapai hasrat murni tersebut segala bentuk usaha pencegahan rasuah sedia ada sama ada melalui Pelan Integriti Nasional (PIN), Pelan Tranformasi Kerajaan (GTP), Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0), Pelan Integriti Organisasi (PIO) dan sebagainya akan diambil kira, ditambah baik, dikaji dan diolah semula berdasarkan kerangka NACP yang lebih komprehensif dan lebih praktikal. Pelan ini perlu dilaksanakan melalui tadbir urus yang baik bersama-sama sistem arahan perlaksanaan dan pelaporan yang jelas.

**PIN (2004)**

**GTP 1.0 (2010)**

**GTP 2.0 (2012)**

**PIO (2014)**

**OACP (2019)**

## FUNGSI DAN PERANAN MAQIS

Pada tahun 2005, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani pada ketika itu, telah memberi cadangan untuk mewujudkan MAQIS sebagai badan tunggal yang mengawal keselamatan makanan dari segi kuarantin, pemeriksaan serta penguatkuasaan di seluruh pintu masuk negara. Tujuan utama kewujudan MAQIS ini adalah untuk:

MENGELAKKAN PERTINDIHAN FUNGSI  
AGENSI DI PINTU MASUK

**01**

MENGELAKKAN PROSES PEMERIKSAAN  
YANG BERULANG OLEH AGENSI

**02**

PENGUNAAN DOKUMENTASI YANG  
SERAGAM

**03**

PENGUNAAN INFRASTRUKTUR DAN  
TENAGA KERJA YANG OPTIMUM

**04**

PENGURUSAN KAWALAN PINTU MASUK  
YANG BERKESAN

**05**

'ONE STOP CENTRE' UNTUK AGENSI  
KUARANTIN

**06**

Oleh itu, MAQIS telah ditubuhkan secara rasminya pada 12 Mac 2013 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. MAQIS telah diberi kepercayaan untuk berfungsi sebagai sebuah jabatan bagi mengadakan perkhidmatan bersepadu yang berhubungan dengan kuarantin, pemeriksaan dan penguatkuasaan di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin dan pemerakuan bagi import dan eksport tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma dan termasuk pemeriksaan dan penguatkuasaan yang berhubungan dengan makanan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Tujuan penubuhan MAQIS adalah:

1. Untuk memastikan industri pertanian negara bebas dari ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar terhadap tumbuhan, binatang dan ikan melalui aktiviti kuarantin, pemeriksaan dan penguatkuasaan yang lebih berkesan.
2. Untuk memastikan bahawa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan makanan yang diimport ke dalam dan dieksport ke luar Malaysia mematuhi aspek kesihatan manusia, binatang, tumbuhan dan ikan dan keselamatan makanan melalui penguatkuasaan undang-undang bertulis yang berkaitan di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin.
3. Untuk membantu pengeksport dalam segala isu berkaitan dengan laluan pasaran dan pematuhan syarat-syarat negara pengimport melalui perkhidmatan yang bersepadu; dan
4. Untuk menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan melalui penggunaan sumber yang lebih cekap dan bersepadu.

## **VISI MAQIS**

MAQIS menjadi agensi penguatkuasa biosecuriti yang inovatif menjelang tahun 2021.

## **MISI MAQIS**

MAQIS menjadi Jabatan utama dalam perkhidmatan kuarantin, pemeriksaan dan penguatkuasaan bagi memastikan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan makanan yang diimport dan dieksport bebas daripada ancaman perosak, penyakit, bahan cemar dan tidak menjejaskan sektor pertanian negara serta mematuhi aspek kesihatan manusia, binatang, tumbuhan, ikan dan keselamatan makanan.

## **OBJEKTIF MAQIS**

- Untuk memastikan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma yang diimport ke dalam Malaysia bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar dan tidak menjejaskan sektor pertanian negara serta mematuhi aspek kesihatan manusia, binatang, tumbuhan, ikan dan keselamatan makanan.
- Untuk kuarantin dan memeriksa apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma, premis, pengangkut atau apa-apa benda lain di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin.
- Untuk memudah dan mengadakan khidmat nasihat kepada pengimport, pengeksport dan ejen yang terlibat dalam import dan eksport tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan makanan berkaitan pematuhan syarat-syarat import dan eksport.
- Untuk menambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan kuarantin dan pemeriksaan produk pertanian dan makanan serta meningkatkan kesedaran kepada pelanggan mengenai keperluan undang-undang bertulis berkaitan.

## **PUNCA KUASA MAQIS**

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) berpegang teguh ke atas Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 atau dikenali sebagai Akta 728. Akta ini diwujudkan bagi mengadakan perkhidmatan bersepadu yang berhubungan dengan kuarantin, pemeriksaan dan penguatkuasaan di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin dan pemerakuan bagi import dan eksport tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma dan termasuk pemeriksaan dan penguatkuasaan yang berhubungan dengan makanan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Di bawah akta ini, terdapat enam (6) peraturan yang telah berkuatkuasa sejak 1 April 2013 bagi menguatkuasakan lagi Akta 728. Peraturan-peraturan tersebut adalah seperti berikut:

Peraturan Pendaftaran Pengimport, Pengeksport dan Ejen 2013 [P.U.(A) 112]

Peraturan Pengeluaran Permit, Lesen dan Perakuan 2013 [P.U.(A)113]

Tatacara Kuarantin 2013 [P.U. (A) 114]

Fi dan Caj 2013 [P.U. (A) 115]

Kuarantin dan Pemeriksaan 2013 [P.U. (A) 116]

Pengkompaunan Kesalahan2019 [P.U.9A] 120]

## KERAMAT MAQIS



# كرامت مقيس

KERAMAT MAQIS

**Bahawa saya berjanji untuk  
mempertahankan integriti  
dalam diri saya dengan  
mencegah dan membanteras  
segala bentuk rasuah,  
salah guna kuasa  
serta penyelewengan.**

Disaksikan oleh:

A handwritten signature in black ink, appearing to read "YB DATO' SALAHUDDIN BIN AYUB".

YB DATO' SALAHUDDIN BIN AYUB  
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Dilancarkan pada 20 Ogos 2019 di Pintu Masuk KLIA MTB

**SABAHAN PERKHIDMATAN HUMANITARI DAN PENEKERASAN MALAYSIA MAQIS**

*Resona MAQIS*

- 1 Mulakan tugas dengan senyuman dan ucapan selamat
- 2 Sentiasa menjaga penampilan yang kemas dan bersih
- 3 Komunikasi yang jelas dan suara yang sopan
- 4 Sentiasa bersedia untuk membantu dan bertindak dengan segera
- 5 Diakhiri dengan ucapan terima kasih

Aduan Integriti MAQIS ke

[integriti@maqis.gov.my](mailto:integriti@maqis.gov.my)

# HEBAHAN INTEGRITI MAQIS



MENERIMA  
HADIAH



BERTAMBAH KUAT KEPERTAYAAN KEPADA AGAMA,  
BERTAMBAH TINGGI DARJATNYA DI DALAM  
PERGAULAN HIDUP, DAN BERTAMBAH NAIK  
TINGKAHLAKU DAN AKAL BUDINYA. (HAMKA)



## FITNAH

Siap atau di antara manusia yang mengelakkan azam, dengan sebagaimana yang diminta oleh Allah Swt, maka mereka yang bersikap bersekutu dengan keadaan itu akan kehilangan dia dan orang lainnya tidak mampu bersikap bersama-sama dengan keadaan tersebut. (Dengan sebagaimana dia mengatakan dia akan berusaha untuk mendekati, bukan menghindari pengikut-pengikutnya.)

(Al-Qur'an, Surah Al-Maqas - Ayat 11)



## **VISI DAN MISI PELAN ANTI RASUAH MAQIS (PARM) 2020-2022**

### **VISI**

Ke Arah Sebuah Jabatan Penguatkuasaan Yang Bebas Rasuah dan Berintegriti Tinggi

### **MISI**

- Memperkuuh Integriti Penguatkuasaan
- Mewujudkan Perkhidmatan yang Bersih (Clean) dan Dipercayai (Trust)
- Meningkatkan Kecekapan Dan Ketelusan Tadbir Urus

Bagi mencapai visi dan misi seperti yang dinyatakan dalam PARM, MAQIS telah mengenal pasti tiga (3) matlamat berikut:

### **MATLAMAT**

- Mengurangkan ketirisan hasil kerajaan melibatkan import eksport pertanian.
- Meningkatkan kepercayaan warga MAQIS, orang awam dan pemegang taruh terhadap perkhidmatan MAQIS.
- Mengurangkan salahlaku integriti dalam kalangan warga MAQIS.

## BAB 2 :ISU DAN CABARAN

Berdasarkan keputusan analisis Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) 2018, mendapati bahawa Indeks Nilai Organisasi berada ditahap perlu penambahbaikan dengan pemantauan dengan peratusan sebanyak 75 peratus. Indeks Nilai Organisasi mengukur persepsi individu Warga MAQIS terhadap tingkah laku yang mungkin berlaku dalam organisasi. Item dalam indeks ini dibentuk berdasarkan enam (6) nilai teras iaitu Amanah, Benar, Bijaksana, Telus, Adil dan Bersyukur. Nilai indeks Bijaksana (65%), Telus (69%), Adil (72%) dan Bersyukur (70%) berada pada tahap yang memuaskan iaitu di bawah 80 peratus merujuk kepada Kaedah Interpretasi Tahap Pengamalan Nilai dan memerlukan penambahbaikan dengan pemantauan.

Merujuk kepada analisis data aduan integriti MAQIS dari tahun 2017 sehingga 2019 mendapati aduan berkaitan aduan pelanggan (14%), tohmahan (14%), laporan SPRM (3%), arahan Ketua Pengarah MAQIS berkaitan ketidakpatuhan SOP (29%), pemerhatian berkaitan ketidakpatuhan dokumen Akaun Terimaan (11%), kesalahan disiplin (14%) dan aduan dalaman (14%). Manakala penemuan audit naziran mendapat terdapat 172 teguran sepanjang tahun 2018 dan 2019. Data yang dianalisa digunakan dalam penilaian risiko rasuah dan asas kepada strategi dan inisiatif yang dirangka di dalam PARM ini

Manakala laporan penemuan Audit Negara terhadap MAQIS pada tahun 2017 mendapati sebanyak 49 kes teguran audit yang melibatkan pengurusan kewangan iaitu kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perolehan, pengrusan perbelanjaan, pengurusan aset dan stor dan pengurusan kenderaan. Oleh itu, tindakan penambahbaikan tidak hanya dilakukan terhadap penemuan Audit sahaja tetapi perhatian seluruhnya diberikan kepada sistem, prosedur, dan kawalan dalaman yang berkaitan bagi mengelakkan risiko berlakunya *fraud* dan salah laku.

## **ANTARA ISU UTAMA YANG DIHADAPI OLEH MAQIS DALAM MEMERANGI RASUAH ADALAH:**

### **Kekurangan Pegawai Yang Kritikal.**

MAQIS dengan kapasiti bilangan pegawai seramai 463 orang seluruh negara menjaga keselamatan makanan barang pertanian di 57 pintu masuk sempadan. Kekurangan yang sangat kritikal ini membuka ruang dan peluang untuk berlakunya rasuah dan masalah integriti. Hal ini kerana kekurangan lapisan penyeliaan dan beban tugas yang pelbagai ditanggung oleh seorang orang pegawai penguatkuasa. Merujuk laporan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada bulan Mei 2019, mesyuarat memutuskan supaya MAQIS melaksanakan proses perluasan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728]; pengenalpastian keperluan perjawatan; dan infrastruktur yang diperlukan untuk tujuan penguatkuasaan selepas perluasan Akta.

### **Sekatan Dalam Penguatkuasaan**

Akta 728 MAQIS hanya berkuasa di pintu masuk yang diwartakan, stesen kuarantin dan juga premis kuarantin. Selain daripada kawasan yang dinyatakan pihak MAQIS tidak dapat menguatkuasakan undang-undang. Peluang dan ruang dalam menguatkuasakan undang-undang terbatas. Isu ini juga telah dibangkitkan dalam mesyuarat JKKMAR bulan Mei 2019 yang dipengerusikan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad.

### **Kurangnya Pemantauan Dan Penguatkuasaan**

Perlaksanaan pemantauan dan penguatkuasaan tidak seperti yang diharapkan kerana sering berlaku kekurangan keupayaan memeriksa, mengaudit dan mengkaji semula operasi. Kekangan sumber tenaga kerja, kemahiran, teknologi, kaedah dan sumber kewangan menjadi faktor kurang keberkesanan usaha pemantauan dan penguatkuasaan

## **Kurang Sokongan Awam Dan Keyakinan**

Kepercayaan awam banyak bergantung kepada ketelusan dan tanggungjawab dalam operasi MAQIS. Rasuah dan salah laku integriti menghakis sokongan orang ramai justeru membantukan keupayaan Jabatan untuk memenuhi tugas utamanya untuk menyediakan perkhidmatan dan pembangunan yang kondusif. Peranan orang awam dalam menyalurkan maklumat berkaitan salahlaku pegawai MAQIS amatlah digalakan untuk sama-sama membanteras gejala rasuah.

## **Persepsi Negatif Daripada Orang Awam.**

Gejala rasuah sekiranya tidak dibendung akan menjadi barah dalam Jabatan dan menggambarkan imej yang negatif oleh orang awam. MAQIS yang merupakan sebuah Jabatan penguatkuasaan juga tidak terkecuali daripada persepsi negatif ini. Berdasarkan analisis mendapat terdapat aduan dan tohmahan daripada orang awam berkaitan perkhidmatan MAQIS melibatkan salah guna kuasa, tingkah laku dan prosedur kerja MAQIS.

## **BAHAGIAN-BAHAGIAN KEUTAMAAN**

Daripada analisis data dan perbincangan dalam membangunkan PARM ini, pihak Pengurusan Tertinggi telah bersetuju untuk memfokuskan kepada lima (5) bahagian dan 1 unit (1) yang berkait secara langsung dengan pengurusan dan operasi MAQIS seperti yang berikut:

**DASAR DAN PERANCANGAN**

**KHDMAT PENGURUSAN**

**PEMERIKSAAN DAN PENGUATKUASAAN**

**KUARANTIN**

**IMPORT/EKSPORT DAN DATA**

**INTEGRITI**

## **BAB 3 : PENGUKUHAN INTEGRITI MAQIS**

### **STRATEGI PARM**

MAQIS dalam menangani isu rasuah dan pengukuhan integriti warganya telah menetapkan enam strategi selari dengan bidang - bidang berisiko yang telah dikenalpasti dan ditetapkan oleh Pengurusan Tertinggi dalam mencapai visi, misi dan matlamat pelan ini.

**PENGUKUHAN EFISIENSI DALAM FASILITASI  
PERDAGANGAN**

**MEMPERKUKUH PERKHIDMATAN DAN TADBIR URUS MAQIS**

**MEMPERKUKUH PEMERIKSAAN DAN PENGUATKUASAAN  
MAQIS DI PINTU-PINTU MASUK SEMPADAN NEGARA**

**MEMPERKASA KUARANTIN DI SEMUA PINTU  
MASUK, STESEN DAN PREMIS KUARANTIN**

**MEMPERKASA PROSEDUR PENGETAHUAN  
PERMIT DAN PENGURUSAN DATA**

**PENGUKUHAN INTEGRITI WARGA MAQIS**

# KERANGKA PELAN ANTI RASUAH MAQIS(PARM)

STRATEGI	BIDANG KEUTAMAAN	MATLAMAT	MISI	VISI
			<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Memperkuuh Integriti Penguatkuasaan</b></li></ul>	
			<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Mengurangkan Ketirisan Hasil Kerajaan Melibatkan Import Eksport Pertanian</b></li></ul>	
			<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Dasar dan Perancangan</b></li><li>• <b>Khidmat Pengurusan</b></li></ul>	
			<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Pengukuhan Efisiensi Dalam Fasilitasi Perdagangan</b></li><li>• <b>Memperkuuh Perkhidmatan dan Tadbir Urus MAQIS</b></li></ul>	

# **KE ARAH SEBUAH JABATAN PENGUATKUASAAN YANG BEBAS RASUAH DAN BERINTEGRITI TINGGI**

- **Mewujudkan Perkhidmatan Yang Bersih (*Clean*) Dan Dipercayai (*Trust*)**
- **Meningkatkan Kepercayaan Warga MAQIS, Orang Awam dan Pemegang Taruh Terhadap Perkhidmatan MAQIS**
- **Pemeriksaan dan Penguatkuasaan**
- **Kuarantin**
- **Memperkuuh Pemeriksaan dan Penguatkuasaan MAQIS di Pintu-pintu Masuk Sempadan Negara**
- **Memperkasakan Kuarantin di Semua Pintu Masuk, Stesen Kuarantin dan Premis Kuarantin**
- **Meningkatkan Kecekapan dan Ketelusan Tadbir Urus**
- **Mengurangkan Salahlaku Integriti Dalam Kalangan Warga MAQIS**
- **Import / Eksport dan Data**
- **Integriti**
- **Memperkasa Prosedur Pengeluaran permit dan Pengurusan Data**
- **Pengukuhan Integriti Warga MAQIS**

# STRATEGI DAN INISIATIF PARM



PARM ini mengandungi enam (6) strategi dan 27 inisiatif yang dirangka dan dikenalpasti dalam tindakan mencapai visi, misi dan matlamat yang ditetapkan

# Strategi 1.0

BAHAGIAN PENERAJU

DP

## 2020 - 2022

PENGUKUHAN EFISIENSI DALAM  
FASILITASI PERDAGANGAN

INISIATIF

1.1 Pindaan Akta 728 dan Peraturan-Peraturan  
berkaitan Kuasa dan Penguatkuasaan MAQIS } PUU

1.2 Mewujudkan satu kawasan *Biosecurity Economic Zone* di Pintu Masuk Pelabuhan Klang.

1.3 Mendapatkan sumber peruntukan yang mencukupi dalam pembangunan fasiliti pemeriksaan dan kuarantin

1.4 Mewujudkan kaedah semak dan imbang melalui sesi libat sama bersama-sama pemegang taruh berkaitan dasar Jabatan dalam mendukung ketelusan Jabatan



# Strategi 2.0

BAHAGIAN PENERAJU

BKP

## 2020 - 2022

**MEMPERKUKUH PERKHIDMATAN  
DAN TADBIR URUS MAQIS**

**INISIATIF**

- 2.1 Pertambahan penjawatan kakitangan MAQIS ke tahap yang optimum.
- 2.2 Menetapkan syarat pusingan kerja sekurang-kurangnya tiga (3) tahun bagi jawatan-jawatan kritikal melibatkan perolehan, kawangan dan penguatkuasaan MAQIS.
- 2.3 Pemantapan kursus perolehan, kewangan, terimaan dan tadbir urus yang berkaitan kepada kumpulan sasaran secara berkala.
- 2.4** Memperkenalkan mekanisma semak dan imbang dalam urusan tadbir urus MAQIS dengan penglibatan Unit Integriti, Perundangan.
- 2.5 Mengelakkan *conflict of interest* dengan tidak melantik ahli melulus daripada bahagian atau unit yang sama membuat perolehan.



# Strategi 3.0

BAHAGIAN PENERAJU

BPP

## 2020 - 2022

### MEMPERKUKUH PEMERIKSAAN DAN PENGUATKUASAAN MAQIS DI PINTU-PINTU MASUK SEMPADAN NEGARA

#### INISIATIF

3.1 Pembangunan inovasi tatacara siasatan dan penguatkuasaan.


3.2 Menjalankan perolehan pemodenan kit pemeriksaan komoditi pertanian yang lebih efektif.

3.3 Pembangunan inovasi *standard operation procedure* (SOP) pemeriksaan komoditi tumbuhan, haiwan dan ikan.

3.4 Mempertingkatkan jalinan kerjasama bersama-sama Jabatan / Agensi Penguatuasaan lain di pintu masuk sempadan seperti operasi bersepadu.

3.5 Pertambahan akses kepada Sistem Maklumat Kastam (SMK) di semua pintu masuk.

3.6 Menubuhkan Unit Risikan MAQIS bagi kes-kes penyeludupan dan berisiko tinggi.



# Strategi 4.0

BAHAGIAN PENERAJU

BQ

## 2020 - 2022

**MEMPERKASA KUARANTIN DI SEMUA PINTU MASUK,  
STESEN KUARANTIN DAN PREMIS KUARANTIN**

**INISIATIF**

4.1 Menambahbaik tatacara kuarantin supaya lebih komprehensif dan efektif.

4.2 Menambahbaik SOP Kuarantin di Pintu Masuk, Stesen Kuarantin dan Premis Kuarantin.

4.3 Pembangunan sistem tempahan kuarantin secara dalam talian dengan menggunakan kaedah *Auto Approve*.

4.4 Mewujudkan dan mengisyiharkan Premis Kuarantin Ikan, Haiwan dan Tumbuhan.



# Strategi 5.0

BAHAGIAN PENERAJU

BIED

## 2020 - 2022

**MEMPERKASA PROSEDUR PENGETAHUAN PERMIT DAN  
PENGURUSAN DATA**

**INISIATIF**

- 5.1 Membangunkan sistem secara *auto approval* (A.I Permit) bagi meluluskan permit
- 5.2 Membangunkan Sistem *Profiling* Pendaftaran Pengimport, Pengeksport dan Ejen (SPEED).
- 5.3 Mengemaskini tarif kod (*HS Code*) dalam Perintah Larangan Kastam bagi ke semua komoditi pertanian
- 5.4 Menambahbaik ciri-ciri keselamatan terhadap pengeluaran permit.



# Strategi 6.0

BAHAGIAN PENERAJU

UI

## 2020 - 2022

PENGUKUHAN INTEGRITI WARGA MAQIS

INISIATIF

6.1 Mewujudkan penghargaan berdasarkan prestasi integriti bulanan sebagai merit tambahan penilaian prestasi pegawai dalam bentuk sijil.

6.2 Mewujudkan satu medium maklumbalas dan aduan integriti pihak awam terhadap perkhidmatan Jabatan secara dalam talian yang bersifat mesra pelanggan.

6.3 Pemantapan integriti warga MAQIS melalui ikrar bebas rasuah / bengkel / kursus / ceramah secara wajib kepada semua warga Jabatan.

6.4 Peningkatan operasi pematuhan di semua Pintu Masuk melibatkan semua pejabat operasi MAQIS.



PMN

## BAB 4: TADBIR URUS PARM

### MEKANISME PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PARM

Tanpa pemantauan dan penilaian sesuatu perancangan yang dilaksanakan tidak akan mencapai hasrat yang diharapkan. Oleh itu MAQIS dengan kerjasama dan komitmen tingginya melibatkan semua pihak berkepentingan mewujudkan Jawatankuasa Pemantauan Pelan Anti Rasuah MAQIS (JPPARM) supaya tunjang utama visi PARM dalam menjadikan MAQIS sebagai sebuah Jabatan Penguatkuasaan yang bebas rasuah dan berintegriti tinggi tercapai.

#### Jawatankuasa Pemantauan Pelan Anti Rasuah MAQIS (JPPARM)

JPPARM, akan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah MAQIS dengan terma rujukan seperti berikut:

1. Pengerusi ganti Pengarah Dasar dan Perancangan MAQIS;
2. Ahli tetap terdiri daripada Pengarah - Pengarah Bahagian, Ketua Unit, Pengarah MAQIS Negeri dan Ahli Gantian yang dilantik oleh Ketua Pengarah MAQIS
3. Mesyuarat pemantauan bersidang empat (4) kali setahun.
4. Memantau kemajuan strategi dan inisiatif yang termaktub dalam PARM;
5. Menilai impak dan strategi dan inisiatif;
6. Menubuhkan pasukan audit PARM;
7. Melaporkan kepada Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) MAQIS status perlaksanaan PARM;

#### Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) MAQIS

JPPARM ini akan dipantau selia oleh Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) MAQIS yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah MAQIS yang akan bersidang sebanyak tiga (3) kali setahun. Peranannya adalah dalam menilai perlaksanaan PARM, menasihati dan membuat keputusan terhadap sebarang perubahan di dalam PARM, membuat keputusan terhadap isu-isu dasar yang menyentuh kepada perlaksanaan PARM serta memastikan bahawa pelan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Peranan JAR MAQIS juga adalah untuk melaporkan status dan perlaksanaan PARM ke peringkat JAR Kementerian.

## **Kaedah Pelaporan PARM**

**Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR)  
Kementerian Pertanian Dan Industri  
Asas Tani (MOA)**



**Urusetia Unit  
Integriti MOA**

**Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR)  
MAQIS**



**Urusetia Unit  
Integriti MAQIS**

**Jawatankuasa Pemantauan Pelan Anti  
Rasuah MAQIS (JPPARM)**

## BAB 5 : KESIMPULAN

Isu rasuah dan pengukuhan integriti dalam jati diri warga MAQIS merupakan fokus utama Jabatan ini dalam aspirasi untuk menjadikan MAQIS sebuah Jabatan Penguatkuasaan yang berintegriti. Pelan ini perlu dilaksanakan dengan tekad dan azam yang tinggi bagi memastikan setiap warga MAQIS berintegriti tinggi serta bebas daripada pengaruh rasuah selari dengan tuntutan agama, aspirasi kerajaan dan rakyat.

Melalui enam strateginya, PARM akan memastikan usaha membanteras rasuah diperkemas dalam kalangan pemegang taruh, entiti korporat, warga MAQIS dan pihak yang berkepentingan. Pelan ini akan menjadi sebuah wadah yang julung kali dilancarkan merangkumi isu tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam suatu kerangka strategi bersepadan.

Untuk memastikan keberkesanan PARM, pelaksanaan keseluruhan inisiatif akan dipantau oleh pasukan audit secara berkala. Maklum balas, nasihat serta panduan berterusan akan dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi MAQIS supaya selari dengan dasar, perubahan undang-undang dan keperluan negara. Pelaksanaan PARM juga akan dipacu oleh prinsip tadbir urus insan yang dikenali sebagai Keramat MAQIS. Langkah ini, menjadikan ianya kekal relevan dan terus dipraktikkan oleh seluruh warga MAQIS.

Akhir kata, MAQIS ini yakin dengan wujudnya PARM ini, dapat berdiri teguh sebagai jabatan penguatkuasaan yang berintegriti dan disanjung tinggi oleh rakyat di samping menjamin *biosecurity, food safety* dan *food security* di semua pintu masuk negara di mana secara tidak langsung dapat meningkatkan imej Kementerian dan negara Malaysia di mata dunia.

# PENGHARGAAN



## PENAUNG

Tuan Saiful Yazan Bin Alwi  
Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan

## PENASIHAT

Dr. Azhari Sharidan Bin Abu Bakar  
Puan Siti Nur Binti Ahmad  
Dr. Mohd Syazwan Bin Abd Jalil  
Encik Muhammad Ezamry Bin Arpan  
Puan Che Wan Ainul Ain binti Wan  
Abdullah

## PENYELARAS

Encik Edie Putra Bin Md Yusof  
Puan Noriani Binti Janor  
Puan Nur Farihah Binti Abdul Rahman  
(Unit Integriti MAQIS)

## PENGARANG

Edie Putra Bin Md Yusof

## PENGARANG KREATIF

Encik Mohammad Fadzli Bin Mohd Naim  
Encik Mohamad Hanif Bin Mohd Yasin  
Puan Siti Hawa Binti Mokhtar

serta Unit Integriti MOA, Urusetia OACP SPRM, pengarah negeri dan pegawai yang terlibat dalam penerbitan Buku Pelan Anti Rasuah MAQIS (PARM) 2020 -2022 Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia ini.

Sumbangan anda amatlah dihargai.